

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Ust. Dato' Dr. Mohd.
Khairuddin bin Aman Razali
[KUALA NERUS]**

TARIKH : 19.03.2014 (RABU)

NO. SOALAN : 8

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan jenis-jenis dan harga rumah
yang ditawarkan di bawah Program Bantuan Rumah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Secara amnya reka bentuk rumah Program Bantuan Rumah (PBR), di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dipelbagaikan dan disesuaikan mengikut kumpulan sasar dan lokaliti seperti berikut:

- i) Rumah sesebuah, sama ada 1 bilik, 2 bilik atau 3 bilik;
- ii) Rumah satu tingkat berkembar/"Semi-Detached";
- iii) Rumah Teres ("Link House"); dan
- iv) Rumah Panjang bagi kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak;

Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan seunit rumah melibatkan kos sebanyak RM40,000 bagi Semenanjung Malaysia dan kos sebanyak RM 50,000 bagi pembinaan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Pelaksanaan PBR adalah dibiayai dalam **bentuk 'geran' kepada golongan miskin dan miskin tegar** untuk projek bina baru atau membaik pulih rumah. Semua penerima bantuan, tidak perlu membayar balik pembiayaan projek PBR berkenaan kepada Kerajaan.